



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : **PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N19 – PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**
- (b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
2. Gaji Minima Yang Ditawarkan : **RM 54.00 SEHARI** (akan dibayar berdasarkan bilangan hari bertugas dan tidak melebihi 23 hari bekerja setiap bulan)
3. Syarat Lantikan Wajib :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
 - (c) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan berkebolehan bertutur dalam Bahasa Malaysia dengan baik (Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan dalam Bahasa Inggeris)
 - (e) Berkebolehan mengendalikan komputer (Asas MS Word, Excel, Powerpoint).
 - (f) Berkebolehan mengendalikan kaunter khidmat pelanggan & berpengalaman dalam berurusan dengan pelanggan
 - (g) Mestilah sihat tubuh badan dan tiada masalah kesihatan.
4. Kemudahan : Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat seperti berikut:
 - (a) Elaun Perjalanan Kenderaan;
 - (b) Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing;
 - (c) Elaun Harian (bertugas luar pejabat melebihi 8 jam sehari tetapi kurang daripada 24 jam: dan
 - (d) Elaun Makan (bertugas luar pejabat bagi tempoh 24 jam atau lebih).
 - (e) Caruman KWSP
5. Taraf Jawatan : **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)**
6. Fungsi Bidang Tugas :
 - a) Membantu kerja-kerja perkeranian di Unit Komunikasi Korporat;
 - b) Membantu mengendalikan dengan cekap semua panggilan telefon;
 - c) Melayani para tetamu atau pelanggan yang ingin berurusan dengan jabatan di kaunter;

- d) Memberi penerangan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan;
- e) Membantu tetamu atau pelanggan yang menghadapi masalah sehingga isu berbangkit selesai;
- f) Memaklumkan dari semasa ke semasa tentang aduan yang dilaporkan oleh pelanggan kepada Pegawai Perhubungan Awam;
- g) Menjalankan arahan dari semasa ke semasa

7. Cara Memohon

- (i) Permohonan hendaklah menggunakan sampul surat biasa disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport dan hendaklah disertakan dengan **satu (1)** salinan fotostat sijil dan dokumen-dokumen berikut yang diakui sah (mengikut susunan):-
 - a. Resume Calon;
 - b. Kad Pengenalan;
 - c. Sijil Kelahiran;
 - d. Sijil Tamat Persekolahan;
 - e. Salinan STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - f. Salinan Diploma/Ijazah berserta transkrip (sekiranya berkaitan);
 - g. Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS) dan
 - h. Lain-lain dokumen sokongan.

**KETUA EKSEKUTIF,
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
ARAS 6, PRIMA 9, PRIMA AVENUE II,
BLOK 3547, PERSIARAN APEC,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR**

- (ii) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan surat pengesahan jawatan yang terkini.
- (iii) Pemohon hendaklah tuliskan jawatan yang dipohon di atas sebelah kiri sampul surat.
- (iv) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (v) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
- (vi) Semua dokumen yang diberikan tidak akan dikembalikan.

8. Tarikh Tutup Permohonan

9 JULAI 2019 (SELASA) jam 3.00 petang



(AHMAD SHARIFF BIN HAMBALI)
Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 25 Jun 2019